

Syarat jadi bangsa agung

KUALA LUMPUR, Selasa — Rakyat Malaysia berpotensi menjadi bangsa agung dengan syarat mereka menerapkan paradigma pemikiran dan sikap yang tidak menghadkan kejayaan dalam apa jua bidang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri mahu pemikiran sempit yang dikongkong sikap negatif diketepikan kerana ia hanya mendorong seseorang itu berusaha mencapai matlamat setakat yang difikirkan mampu sedangkan mereka boleh melakukan lebih daripada itu.

Beliau berkata, setiap rakyat mesti memecahkan halangan minda dan psikologi yang menganggap kebolehan mereka terhad sebelum mencuba serta yakin boleh melakukannya lebih baik daripada orang lain.

Dalam masa yang sama, kata Dr Mahathir, rakyat jangan cepat berputus asa daripada mencuba selepas setiap kali menemui kegagalan kerana akhirnya mereka akan berjaya dengan hasil lebih baik.

"Kita juga mesti meneliti kesilapan dan kelemahan lalu kemudian meletakkan sasaran lebih jauh supaya berusaha

lebih gigih untuk mencapainya melalui satu proses yang teratur.

"Hari ini Malaysia lebih maju daripada negara lain kerana kita semua bekerja keras. Kita sanggup melihat ke belakang dan membuat analisis serta tidak mengulanginya. Selepas itu kita cari jalan melakukannya lebih baik.

"Kita tidak boleh menutup fikiran kepada cadangan dan idea orang lain. Jangan membuat keputusan sebelum kita mengkaji dan kajian harus dibuat dengan fikiran terbuka," katanya sewaktu menyampaikan amanat kepada lebih 250 pegawai tinggi perkhidmatan awam di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Majlis itu adalah sebahagian agenda Seminar Menangani Cabaran Wawasan 2020: Ke Arah Pembentukan Paradigma Baru Perkhidmatan Awam anjuran Institut Tadbiran Awam Negara (Intan).

Di majlis itu, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid menyerahkan senaskhah lampiran mengandungi 12 resolusi yang dirumuskan daripada seminar itu. Turut hadir ialah Ketua-Ketua Setiausaha Kement-

rian dan Ketua-ketua Pengarah jabatan.

Selepas itu, Perdana Menteri mengadakan dialog tertutup lebih sejam dengan peserta dan menghadiri jamuan makan tengah hari bersama mereka.

Dr Mahathir berkata, pegawai tadbir dan kakitangan perkhidmatan awam mesti sentiasa meletakkan sasaran matlamat lebih jauh kerana mereka mampu mencapainya jika mengamalkan paradigma yang positif.

"Saya dapati jentera perkhidmatan awam sangat kooperatif dan profesional. Saya bersyukur kerana setiap orang dalam pentadbiran berusaha meningkatkan keupayaan supaya dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

"Dengan adanya perjumpaan, seminar dan usaha meningkatkan lagi keupayaan pentadbiran seperti ini, kita dapat mempertingkatkan komitmen sesuai dengan matlamat Wawasan 2020.

"Hari ini tumpuan kita ialah perluasan paradigma. Kalau kita percaya pencapaian kita hanya setakat itu, dengan sen-

LIHAT MUKA 3

Syarat jadi bangsa agung

BH - 9 FEB 1994

DARI MUKA 1

dirinya pencapaian kita terhad setakat itu. Sikap itu mewujudkan halangan yang menghadkan pencapaian kita.

"Sebenarnya kita mempunyai kemampuan yang jauh lebih daripada yang kita percaya kita miliki," katanya.

Menurut Perdana Menteri, kemampuan dan kecakapan pentadbiran di negara ini jauh lebih baik daripada pentadbir kolonial British yang ternyata gagal membawa sebarang kemajuan dan faedah kepada rakyat negara ini.

Katanya, penjajah mengongkong pemikiran bangsa sehingga percaya mereka tidak mampu mentadbir negara sendiri.

Selain itu, bahan mentah negara dieskport ke negara penjajah dan hasilnya dijual semula ke sini.

Beliau meminta pegawai tadbir dan kakitangan awam supaya sama-sama menjaga maruah dan meneruskan pembangunan negara.

"Kita tidak perlu meminta-minta bantuan asing. Hakikatnya, dengan sebuah kerajaan yang bermaruah dan teratur, kita berjaya membebaskan negara kita daripada bergantung kepada negara lain.

"Kita tidak mahu jadi negara lain yang merdeka dari segi politik tetapi terpaksa bergantung kepada negara lain," katanya.